

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil siasatan dan tindakan yang diambil berhubung kes sindiket beli dan jual data pesakit di hospital Kerajaan dan swasta.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawal dan mengawalselia penubuhan dan pengendalian semua jagaan kesihatan swasta selaras dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] dan peraturan-peraturannya.

Perenggan 43(2)(b), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, menetapkan pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab bagi hospital swasta yang berkenaan perlu bertanggungjawab untuk melindungi

maklumat pada rekod perubatan pesakit terhadap kehilangan, pengubahan atau penggunaan oleh orang yang tidak dibenarkan.

Manakala, bagi sesebuah klinik perubatan atau pergigian pemegang perakuan pendaftaran dan orang yang bertanggungjawab perlu bertanggungjawab melindungi rekod perubatan pesakit, sepertimana yang telah ditetapkan oleh perenggan 29(2)(b), Peraturan- Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006.

Walaupun begitu, tiada peruntukan khas di bawah Akta 586 tersebut untuk mengawal atau mengawalselia jenayah cyber sepertimana yang dilaporkan. Bahagian ini juga tidak pernah menerima sebarang maklumat atau aduan berkaitan dengan perkara tersebut, sama ada daripada agensi penguatkuasa lain, pesakit, *stakeholders* ataupun *end users*. Malah Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) juga memaklumkan tidak pernah menerima sebarang maklumat atau aduan mengenai perkara tersebut.

Kementerian sentiasa mengambil berat isu keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan di Malaysia. Sebarang aduan berkaitan rekod perubatan pesakit yang disimpan di fasiliti jagaan kesihatan swasta boleh dikemukakan kepada Kementerian di alamat [ckaps.aduan@moh.gov.my](mailto:ckaps.aduan@moh.gov.my).